

16/10/1998

Kerajaan masih kaji cadangan bon Renong

Zulkofli Jamaludin; Faizal Fadzil

KERAJAAN masih mengkaji cadangan Renong Bhd untuk menerbitkan bon bagi penyusunan semula konglomerat itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, beliau baru menerima maklumat mengenai cadangan itu dan memutuskannya sebagai sesuatu yang boleh dikaji.

"Kerajaan belum memutuskan sama ada meluluskannya atau tidak," katanya kepada pemberita selepas mempengerusi mesyuarat dengan wakil rakyat Barisan Nasional menjelang persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, di Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir berkata, beliau diberitahu Renong bahawa kelulusan secara prinsipnya sudah diberikan oleh bekas Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Renong Jumaat lalu mengumumkan terbitan bon yang disokong kerajaan sebanyak RM10.5 bilion di bawah pelan penyusunan semula untuk membayar balik hutang kumpulan itu.

Cadangan itu membabitkan terbitan bon yang disokong oleh syarikat pengurusan aset, Perbadanan Pembangunan Prasarana (IDC).

IDC adalah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF) dan cadangan itu diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 4 Ogos lalu.

Menurut Perdana Menteri, jika cadangan Renong itu baik, kerajaan akan melaksananya tanpa mengira apa yang akan dikatakan oleh media asing atau pihak luar.

"Jika ia cadangan baik, kita tak kira sama ada mereka mengatakan sebagai menyelamatkan atau tidak. Jika ia baik untuk negara, kita akan buat," katanya.

Beliau berkata, perkara itu perlu diteliti untuk memastikan ia memberi faedah kepada Renong dan sama ada ia akan memberi kesan negatif kepada kerajaan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak boleh dipengaruhi oleh kempen supaya jangan ada usaha menyelamatkan seperti dilaungkan oleh Barat, yang bertindak bertentangan dengan pendiriannya.

Sambil menyebut kes keruntuhan firma pengurusan dana lindung nilai, Long-Term Capital Management (LTCM) baru-baru ini, beliau berkata, dana awam digunakan untuk menyelamatkan dengan Rizab Persekutuan Amerika meminta bank lain mengumpul berbilion dolar untuk tujuan itu.

"Ini adalah lebih buruk daripada apa yang kita pernah buat. Mereka ini bagi saya hipokrit. Mereka kata kita tidak boleh buat tetapi mereka buat," katanya sambil menyelar media asing kerana laporan negatif mereka mengenai negara ini sehingga memberi kesan negatif kepada industri pelancongan.

(END)